



Australian Government

Department of Infrastructure, Regional Development and Cities

Perkhidmatan perikanan

LEMBARAN FAKTA

Disediakan oleh Department of Primary Industries and Regional Development
(dahulu Department of Fisheries)

Perikanan di Wilayah Lautan Hindi

Department of Primary Industries and Regional Development — Fisheries menyediakan perkhidmatan berikut bagi pihak Kerajaan Australia:

- pengurusan perikanan komersial dan rekreasi;
- penyelidikan dan penilaian perikanan;
- pendidikan komuniti dan kepatuhan perikanan;
- perkhidmatan biokeselamatan akuatik;
- perkhidmatan diagnostik dan patologi kesihatan ikan;
- perkhidmatan kepatuhan perikanan; dan
- pengurusan pelesenan dan akuakultur.

Apakah ertinya bagi saya?

Objektif Department of Primary Industries and Regional Development — Fisheries adalah memulihara, membangunkan secara lestari dan berkongsi sumber dan habitat akuatik untuk manfaat semua, termasuk generasi akan datang. Aturan dan peraturan perikanan rekreasi khusus untuk pulau ini akan diperkenalkan bagi membantu memastikan kelestarian sumber akuatik yang berterusan di masa akan datang.

Menguruskan perikanan dan akuakultur komersial melalui pelesenan. Menilai permohonan untuk aktiviti baharu dalam satu rangka kerja kelestarian. Pemantauan dan penyelidikan yang tetap atas organisma akuatik membantu kita memahami taraf kesihatan populasi ikan tempatan yang menyokong keputusan pengurusan perikanan.

Menawarkan aktiviti pendidikan kepada kanak-kanak sekolah supaya dapat memahami kepentingan pengurusan perikanan dan menggalakkan pengawasan komuniti terhadap sumber akuatik.



Aturan perikanan rekreasi telah dibangunkan secara berunding dengan komuniti selama beberapa tahun. Aturan ini bertujuan untuk memastikan sumber ikan di setiap pulau digunakan dan dipulihara demi kepentingan komuniti tempatan.

Untuk mendapatkan penerangan lanjut

Cara menghubungi

Telefon

Butir-butir hubungan

08 6551 4443

Hubungi

Paula Kalinowski

E-mel

indianoceanterritories@dpird.wa.gov.au

Laman web

www.dpird.wa.gov.au